

No. Telefon : 088-287555/287566
No. Faks : 088-240533/237788



**KEMENTERIAN
BELIA DAN SUKAN SABAH**
Tingkat 10, Blok B, Wisma MUIS,
Karung Berkunci No. 2007,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.

KBSS : 100-28/3 (42)
Tarikh : 4 November, 2010

Pengarah
Bahagian Kabinet dan Dasar
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 5, Wisma Innoprise
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88817 Kota Kinabalu.

**PENGEMASKINIAN DASAR-DASAR UTAMA KERAJAAN NEGERI SABAH
SURAT PEKELILING DASAR BIL. 1 TAHUN 2005
BAHAGIAN KABINET DAN DASAR, JABATAN KETUA MENTERI.**

Dengan hormatnya surat tuan Rujukan:JKM/BKD:600-2 Kit.3(98) bertarikh: 24 September 2010 di rujuk.

2.

1.	Sedang dalam tindakan Kementerian ini, mohon diberi peringatan dari masa kesemasa.	✓
2.	Sedang diambil tindakan.	
3.	Akan diambil tindakan.	
4.	Lain-lain:	
5.	Akan dibeli melalui peruntukan tahun 2011.	

Sekian dan terima kasih.


(FARIDAH HJ ABDUL AHMAD)
b.p. Setiausaha Tetap
Kementerian Belia dan Sukan Sabah.

FAA/dg

KPP(ud)
8/11/10

PP(ud)
Silalah maklum
Jumlahkan
Sabagimana
T.H.
JSMayphls
20/11/2010

Diterima Oleh	Nina
Tempo	8.11.2010
Jam	9.00 P.M.

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGERI**

DASAR KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN (N) SABAH

1. WAWASAN :

Ke arah melahirkan masyarakat belia yang berwawasan dan cemerlang melalui bentuk pemikiran global dalam memberi sumbangan yang berfaedah bagi diri, masyarakat, agama dan negara.

2. NAMA DASAR :

Dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (N) Sabah

3. OBJEKTIF :

- 3.1. Melahirkan masyarakat belia yang berorganisasi, berwawasan dan berbudaya berasaskan penguasaan ilmu dan teknologi maklumat;
- 3.2. Membina satu masyarakat yang berkualiti, sihat, cergas, produktif dan berdisiplin yang dapat menyumbang untuk pembangunan khususnya sukan, sosial, ekonomi dan negara.

4. STRATEGI :

- 4.1. Mengadakan Program Penyelidikan dan Pembangunan;
- 4.2. Mengadakan Program Kebudayaan;
- 4.3. Mengadakan Program Pembangunan Belia;
- 4.4. Mengadakan Program Pembangunan Ekonomi Belia; dan
- 4.5. Mengadakan Program Sukan.

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN NEGERI
SABAH**

1. NAMA ORGANISASI :

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah

2. MATLAMAT :

Ke arah mewujudkan masyarakat belia yang berorganisasi, bersifat keusahawanan, berbudaya tinggi, sihat, cergas dan produktif serta mampu berdikari, bersaing dan berwawasan yang boleh menjadi "role model" atau contoh kepada masyarakat belia di peringkat antarabangsa.

3. FUNGSI UTAMA :

- 3.1. Menjadi pihak berkuasa untuk menggubal, membentuk dan mengawal dasar berhubung dengan operasi dan pelaksanaan kegiatan - kegiatan kebudayaan, belia dan sukan;
- 3.2. Menggubal, merancang, merumus dan menyelaras segala dasar pentadbiran dan program di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah;
- 3.3. Mengadakan lawatan ke luar negara khasnya ke negara-negara Asean untuk bertukar-tukar pendapat dan meneliti pelaksanaan program kebudayaan, belia dan sukan di negara-negara berkenaan; dan
- 3.4. Mengadakan lawatan, meninjau dan meneliti pelaksanaan program-program dan projek-projek Kementerian.

5. PROGRAM PELAKSANAAN :

5.1. Mengadakan Program Penyelidikan dan Pembangunan

- 5.1.1. Menjalankan penyelidikan penggunaan ilmiah terhadap perancangan aktiviti-aktiviti kebudayaan, belia dan sukan serta kajian terhadap keperluan pembangunan infrastruktur dalam usaha membantu menyelesaikan masalah bagi menjayakan matlamat kerajaan melalui Kementerian ini;
- 5.1.2. Membuat penyelidikan dengan tujuan menambah koleksi budaya, mendokumentasi dan membuat penerbitan ke arah memperluaskan kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap warisan budaya;
- 5.1.3. Mengurus, meneliti, melaksana dan menyelia projek - projek pembangunan baru serta menyelenggara bangunan-bangunan yang sedia ada; dan
- 5.1.4. Menambahkan projek-projek pembangunan bagi memperluaskan kemudahan - kemudahan prasarana bagi kegiatan-kegiatan kebudayaan, belia dan sukan.

5.2. Mengadakan Program Kebudayaan

- 5.2.1. Menggalakkan penyertaan masyarakat dalam kegiatan kesenian dan kebudayaan disamping memberi khidmat kejurulatihan dan khidmat sokongan;
- 5.2.2. Menyediakan pembangunan seni pementasan yang bermutu tinggi disamping meningkatkan penghayatan masyarakat terhadap teater dan tarian bermutu tinggi;

- 5.2.3. Mengadakan perhubungan kebudayaan dua hala antarabangsa dan serantau;
- 5.2.4. Meningkatkan dan mengukuhkan kepimpinan budaya melalui usaha-usaha membimbing, melatih, mendokong dan menggerak kebudayaan secara meluas sebagai jentera perkembangan yang berkesan;
- 5.2.5. Mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan semangat perpaduan integrasi nasional; dan
- 5.2.6. Memenuhi keperluan sosio-budaya tempatan melalui sosio-ekonomi serta meningkatkan taraf mutu kesenian.

5.3. Mengadakan Program Belia

- 5.3.1. Melaksanakan kursus-kursus kepimpinan asas dan lanjutan, bengkel, seminar dan lawatan pertukaran belia yang boleh merapatkan jurang hidup masyarakat;
- 5.3.2. Menggalakkan belia-belia untuk menyertai persatuan-persatuan belia dan menyertai aktiviti-aktiviti yang disediakan;
- 5.3.3. Menanam semangat patriotik dan berdikari di kalangan belia-belia dalam menghadapi cabaran hidup supaya bergerak maju dalam kegiatan pembangunan sosio-ekonomi; dan
- 5.3.4. Memberi tumpuan kepada pembangunan pembinaan institusi latihan dan meluaskan skop dan program-program latihan.

5.4. Mengadakan Program Pembangunan Ekonomi Belia

- 5.4.1. Melaksanakan kursus untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kecekapan serta menyedarkan belia-belia di negeri ini tentang peluang-peluang dan kemudahan di bidang keusahawanan;
- 5.4.2. Mengadakan taklimat, ceramah dan dialog tentang pembangunan sosio-ekonomi dalam masyarakat belia;
- 5.4.3. Memberi kefahaman kepada belia-belia untuk mengenalpasti sumber-sumber tempatan dan pasaran untuk kegiatan ekonomi; dan
- 5.4.4. Melaksanakan Anugerah belia Sabah untuk menilai kemajuan belia terutama dalam bidang pembangunan ekonomi.

5.5. Mengadakan Program Sukan

- 5.5.1. Menyediakan kegiatan-kegiatan sukan untuk memastikan negeri ini mempunyai masyarakat yang sihat, cergas, produktif dan berdisiplin;
- 5.5.2. Menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang cukup untuk pembangunan, perkembangan dan kemajuan sukan sesuai dengan konsep "Malaysia Cergas dan Sukan Untuk Semua";

- 5.5.3. Meningkatkan pelaksanaan sukan massa dan sukan prestasi tinggi untuk membolehkan masyarakat mengamalkan gaya hidup yang sihat disamping memberi peluang kepada masyarakat belia yang berpotensi untuk membuktikan keunggulan mereka di pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa ke arah menaikkan imej negeri dan negara.
-